

BAB EMPAT:

KEPELBAGAIAN I'RAB MENGIKUT QIRA'AT DALAM SURAH AL-BAQARAH

4.1 PENDAHULUAN

Persoalan makna menjadi topik utama apabila membicarakan soal i'rab. Ini bertepatan dengan pernyataan di kalangan ulama bahasa Arab, bahawa i'rab merupakan isyarat atau petunjuk kepada makna yang dikehendaki oleh penutur atau penulis sebuah kata-kata.¹ Jesteru, perbincangan tentang i'rab tanpa menyentuh tentang makna yang dikandunginya tidak lengkap. Bertitik tolak dari sini, karangan-karangan yang berkaitan dengan I'rab al-Quran, tidak sunyi dari turut sama berkongsi tentang makna yang terhasil.

Bab ini merupakan analisis kepada perkataan-perkataan yang dikesani terdapat kepelbagaian i'rab, hasil daripada perbezaan yang wujud di dalam qira'at tujuh. Ia hanya tertumpu kepada surah al-Baqarah.

Analisis yang dijalankan berkisar kepada kepelbagaian qira'at yang timbul dan makna-makna yang terhasil, serta perbandingan di antara makna-makna tersebut dari sudut persamaan, kelainan dan kepentingannya di dalam memahami ayat-ayat al-Quran yang mulia.

¹ Al-Zajjajiy (1979). *al-'Idah Fi 'Ilal al-Nahw*. Hal. 91

4.2 PENGENALAN SURAH AL-BAQARAH

Surah al-Baqarah merupakan surah yang kedua di dalam al-Quran selepas surah al-fatimah. Kandungannya yang berjumlah 286 ayat, meletakkannya sebagai surah yang terpanjang di dalam al-Quran. Surah al-Baqarah tergolong di dalam surah-surah madaniyyah, iaitu surah-surah yang diturunkan selepas penghijrahan Nabi s.a.w ke Madinah. Ia sebagaimana surah-surah madaniyyah yang lain, banyak membentuk dan memperbaiki sistem dan undang-undang yang bersifat syariat, yang amat diperlukan oleh orang Islam dalam kehidupan bermasyarakat.²

Al-Baqarah yang bermaksud lembu di dalam bahasa Arab, diambil sempena memperingati salah satu mukjizat Nabi Musa a.s ketika berdepan dengan Bani Israil. Peristiwa ini bermula apabila salah seorang Bani Israil dibunuh tanpa diketahui siapakah pembunuhnya. Lalu mereka meminta bantuan Nabi Musa a.s mencari pembunuhnya. Kemudian Allah s.w.t menurunkan wahyu-Nya supaya mereka menyembelih seekor lembu yang tertentu dan memukul mayat tadi dengan sebahagian anggota badan lembu tadi. Dengan izin Allah s.w.t, mayat tadi hidup kembali seterusnya memberitahu siapakah pembunuhnya.

Kejadian ini menjadi bukti nyata kekuasaan Allah s.w.t untuk menghidupkan yang mati. Begitu juga ia menunjukkan sifat Bani Israil.³

² Al-Sabuniy, Muhammad Ali (t.t). *Safwat al-Tafsir*. Cet. 9. Kaherah: Dar al-Sabuniy. Juz. 1 Hal. 29

³ Ibnu 'Asyur (1984). *al-Tahrir Wa al-Tanwir*. Juz. 1 Hal. 201.

Kedapatan beberapa hadis yang berkenaan dengan kelebihan surah al-Baqarah, antaranya:

a. ⁴ **أ**
Ertinya; Nama Allah yang paling besar (hebat) yang apabila diseru dengannya akan diperkenankan berada dalam tiga surah al-Baqarah, Ali Imran dan Taha.

b. **ب**
⁵ **ب**
Ertinya; Al-Baqarah merupakan kemuncak al-Quran dan ketinggianya. Lapan puluh malaikat telah turun mengiringi setiap satu ayat darinya. Dikeluarkan (**ب**) dari bawah Arasy lalu disambungkan dengan surah al-Baqarah.

c. **ج**
⁶ **ج**
Ertinya; Setiap sesuatu mempunyai kemuncaknya. Kemuncak al-Quran ialah surah al-Baqarah. Barangsiapa yang membacanya di rumahnya pada siang hari, syaitan tidak akan memasukinya selama tiga hari. Dan barangsiapa membacanya di rumahnya pada malam hari, syaitan tidak akan memasukinya selama tiga malam.

⁴ Al-Tahawiy, Abu Jaafar Ahmad bin Muhammad (1994). *Syarh Musykil Al-Athar*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah. Juz. 1 Hal. 162

⁵ Abu Abdillah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (2001). *Musnad al-'Imam Ahmad Bin Hanbal*. Cet. 1. Beirut: Mu'assasat al-Risalah. Juz. 33 Hal. 417 No. Hadis 20300

⁶ Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husain bin Ali (2003). *Syur'ab al-'Iman*. Cet. 1. Al-Riyad: Maktabat al-Rusyd Li al-Nasyr Wa al-Tawzi'. Juz. 4 Hal. 47. No. hadis 2161

Kedapatan banyak lagi hadis-hadis yang menunjukkan kelebihan surah al-Baqarah ini. Oleh itu, tidak hairanlah ia telah diangkat oleh Rasulullah s.a.w dalam beberapa hadis lain sebagai bahagian al-Quran yang paling afdhal.⁷

4.3 ANALISIS AYAT YANG BERBEZA I'RAB BERDASARKAN QIRA'AT TUJUH DAN KESANNYA.

1. Ayat 37 Surah al-Baqarah

فَتَلَقَّى آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٣٧﴾

Ertinya; Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani.

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Dalam ayat tersebut terdapat dua qira'at yang berbeza. Imam Ibnu Kathir membaca ayat tersebut dengan menasabkan kalimah (أَدَمُ) dan merafa'kan (كَلِمَاتٍ). Manakala imam-imam qira'at yang lain membacanya dengan merafa'kan (أَدَمُ) dan menasabkan (كَلِمَاتٍ).⁸

⁷ Ibnu Hajar, Abu al-Fadl Ahmad bin Ali bin Muhammad (1998). *al-Matalib al-'Aliyat Bi Zawaid al-Masanid al-Thamaniyat*. Cet. 1. Al-Sa'udiyah: Dar al-'Asimah. Juz. 14 Hal. 536 No. Hadis 3555

⁸ Abu Abdillah Muhammad bin Syuraih (t.t). *al-Kafi Fi al-Qira'at al-Sab'*. Tanta: Dar al-Sahabah Li al-Turath. Hal. 62

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Berdasarkan dua qira'at tersebut, terdapat dua i'rab yang berlainan. Bacaan jumhur qurra' meletakkan Adam sebagai fa'il kepada kata kerja (تَلَقَّى). Dan Kalimat pula menjadi maf'ul kepada kata kerja tersebut. Ini bermakna, saidina Adam a.s telah menerima beberapa Kalimat dari tuhanNya Allah, lalu Allah menerima taubatNya. Dengan qira'at ini Abu Ubaid menafsirkan kalimah (تَلَقَّى) dengan terima.⁹

Mengikut qira'at Ibnu Kathir, kata kerja (تَلَقَّى) disandarkan kepada Kalimat, dan saidina Adam a.s menjadi maf'ul. Dengan ini makna yang timbul berlainan dengan makna yang dibawa oleh qira'at jumhur. Maknanya, Kalimat tersebut datang kepada Adam a.s, lalu Allah mengampuninya.

Walaupun kedua-dua qira'at ini telah menukar fungsi perkataan (كَلِمَات) dan (أَدَم) secara langsung, namun makna ayat tersebut tidak banyak perbezaan. Bahkan ada ulama secara terang mengatakan, kedua-dua makna tersebut adalah sama sahaja.¹⁰ Ini berdasarkan teori yang timbul dalam penggunaan kata kerja (تَلَقَّى) dan seumpama dengannya bahawa

⁹ Ibnu al-Jazarīy (t.t). *al-Nasyr Fi al-Qirā'āt al-'Asyr*. Juz. 2 Hal. 211

¹⁰ Ibnu Abi Maryam, Abu Abdillah NaSr bin Ali bin Muhammad (1993). *al-Kiṭāb al-Mudāh Fi Wujūh al-Qirā'at Wa 'Ilāliha*. Cet. 1. Makkah: Al-Jama'at al-Khairiyyat Li Tahfīz al-Qur'an al-Karīm. Juz. 1 Hal. 269. Abu Zur'at, Abdurrahman bin Muhammad bin Zanjalah (2001). *Hujjah al-Qirā'at*. Cet. 5. Beirut: Mu'assasat al-Risalah. Hal. 94

apa jua yang kamu temuinya maka ia juga menemuimu (مَا تَلْقَاكَ فَقَدْ تَلَقَيْتَهُ). Ia dikategorikan di dalam bahasa Arab sebagai perkongsian dalam perbuatan.¹¹

Namun pengkaji mendapati makna yang timbul akibat daripada qira'at Ibnu Kathir mempunyai nilai tambah yang tersendiri. Ini kerana mengikut qira'at Ibnu Kathir, pengampunan Allah s.w.t terhadap Nabi Adam a.s berpunca dari Kalimat yang temuinya. Kalimat tadilah yang menyelamatkannya, dan Nabi Adam a.s terselamat kerananya.¹² Ini secara tidak langsung memberi nilai kepada Kalimat tersebut dalam penerimaan taubat. Maka tidak hairanlah, kedapatan galakan daripada hadis dan para ulama supaya orang yang insaf mengucapkan Kalimat tersebut di dalam taubat mereka.¹³

2. Ayat 102 Surah al-Baqarah

وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَنُ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ

Ertinya; *Padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir.*

¹¹ Ibnu Khalawaih, Abu Abdillah al-Husain bin Ahmad (1999). *al-Hujjah Fi al-Qira'at al-Sab'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat. Hal. 28

¹² Al-Qaisiy, Abu Muhammad Makkiy bin Abi Talib (2007). *al-Kasyf 'An Wujuh al-Qira'at al-Sab' Wa 'Ilalih Wa Hujjuha*. Kaherah: Dar al-Turath. Juz. 1 Hal. 290

¹³ Abu Hayyan, Abu Abdillah Muhammad Ibn Yusuf (1993). *al-Bahr al-Muhit*. Cet. 1 Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat. Juz. 1 Hal. 318

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Pada kalimah (الشَّيَاطِينُ) terdapat dua qira'at. Imam Hamzah, Kisa'i dan Ibnu 'Amir telah membacanya dengan rafa' (الشَّيَاطِينُ). Imam-imam yang empat lain pula menasabkan kalimah (الشَّيَاطِينُ).¹⁴

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Qira'at-qira'at yang berlaku pada kalimah (الشَّيَاطِينُ) mempunyai kaitan dengan qira'at lain pada kalimah (لَكِنَّ) sebelumnya. Kalimah (الشَّيَاطِينُ) yang rafa' berpunca dari qira'at (لَكِنَّ) yang tidak bersabdu. (الشَّيَاطِينُ) pula dinasabkan oleh qira'at (لَكِنَّ) yang bersabdu. Ini kerana (لَكِنَّ) ialah salah satu dari anggota (لِإِنَّ) dan berfungsi dengan fungsinya.¹⁵ Ayat tersebut ketika qira'at membaca (الشَّيَاطِينُ) dengan nasab dan (لَكِنَّ) dengan sabdu, adalah terdiri satu ayat sahaja dengan perkataan (لَكِنَّ) menjadi penghubungnya¹⁶ disamping makna penguat. Ini kerana (لَكِنَّ) merupakan huruf penguat dan pembetulan (الاسْتِذْرَاكُ).¹⁷ Ia berfungsi membawa kenyataan yang sebenar selepas penafian kenyataan yang salah. Ia dilakukan apabila wujud kekeliruan yang membawa kepada kefahaman yang sebaliknya.

¹⁴ Al-Qaisy (2007). *al-Kasyf 'An Wujuh al-Qira'at al-Sab' Wa 'Ilalih Wa Hujajuh*. Juz. 1 Hal. 307

¹⁵ Ibnu Hisyam, Jamaluddin Abdullah bin Hisyam al-Ansariy (2000). *Audah al-Masalik Ila Alfiyah Ibnu Malik*. Beirut: Dar al-Fikr. Juz. 1 Hal. 314

¹⁶ Abdullah bin Muhammad Basmeih (2000). *Tafsir Pimpinan Al Rahman Kepada Pengertian Al Quran*. Cet 16. Kuala Lumpur: Darul Fikr. Hal. 31

¹⁷ Ibnu Hisyam (2000). *Audah al-Masalik Ila Alfiyah Ibnu Malik*. Juz. 1 Hal. 314

Manakala (لكن) tanpa sabdu ialah huruf ibtida' dan ayat selepasnya ayat yang baru dengan kalimah (الشَّيَاطِينُ) sebagai subjek.¹⁸ Apa yang berlaku pada maknanya tidak lari jauh daripada makna yang terhasil dari qira'at sebelum ini, iaitu berlakunya pembetulan (الاستِدْرَاكُ). Perbezaan yang wujud ialah pada bilangan ayat yang digunakan untuk menyampaikan makna.

Kedua-dua makna yang terhasil dari kedua qira'at ini sama dan tidak berbeza.¹⁹ Ini kerana perbezaan i'rab pada kalimah (الشَّيَاطِينُ) berlaku kerana perbezaan lughah atau lajhah (لكن).²⁰ Kalimah (لكن) berasal daripada (لكن) bersabdu kemudian digugurkan.²¹

3. Ayat 117 Surah al-Baqarah

وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾

Ertinya; *Dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" lalu menjadilah ia.*

¹⁸ Ibnu Hisyam (1991). *Mughniy al-Labib 'An Kutub al-'Arab*. Juz. 1 Hal. 478

¹⁹ Al-Raziy (2002). *Mafatih al-Ghaib*. Juz. 3 Hal. 235

²⁰ Ibnu Abi Maryam (1993). *al-Kitab al-Mudhah Fi Wujuh al-Qira'at Wa 'Ilaliha*. Juz. 1 Hal. 294. Al-Bannā (1987). *Ittihāf Fudalā' al-Basyar*. Juz. 1 Hal. 410

²¹ Ibnu Abi Maryam (1993). *al-Kitab al-Mudhah Fi Wujuh al-Qira'at Wa 'Ilaliha*. 1 Hal. 294

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Kedapatan dua qira'at pada kalimah (يَكُونُ), dan keduanya menyentuh i'rab kalimah tersebut. Imam Ibnu 'Amir secara berseorangan membacanya dengan nasab (يَكُونُ). Imam enam yang lain sepakat membacanya dengan rafa' (يَكُونُ).²²

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Banyak pendapat mengenai sebab rafa' kalimah (يَكُونُ) di sisi qira'at jumhur. Imam al-Tabari menganggapnya 'ataf kepada kalimah (يَكُونُ). Tetapi Ibnu 'Atiyyat menyatakan ianya salah dari sudut makna. Abu Ali al-Farisiy berkata ia 'ataf kepada (كُنْ). Ibnu 'Adil menukikan dari Sibawaih, ia marfu' kerana khabar kepada muftada' yang gugur (هُوَ يَكُونُ) dan huruf (فَاء) untuk permulaan ayat baru.²³ Tahqiq Ibnu Hisyam, ia 'ataf bukan untuk permulaan ayat baru.²⁴ Makna yang terhasil tidak banyak berbeza, Cuma perbezaan ayat baru dan sebahagian dari ayat.

Qira'at yang menasabkan (يَكُونُ) di sisi kebanyakan ulama dianggap sebagai jawapan kepada kata kerja suruhan yang bersambung dengan (فَاء) seperti yang bererti, *datanglah kepadaku maka aku akan muliakan kamu*. Walaupun begitu, jawapan suruhan

²² Abu Abdillah Muhammad bin Syuraih (t.t). *al-Kafi Fi al-Qira'at al-Sab'*. Hal. 65

²³ Ibnu 'Adil, Abu Hafis Umar bin Ali (1998). *al-Lubab Fi 'Ulum al-Kitab*. Cet. 1 Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat. Juz. 2 Hal. 425

²⁴ Ibn Hisyam (1991). *Mughniy al-Labib 'An Kutub al-A'rab*. Juz. 1 Hal. 284

selepas (فَاء) pada lafaznya sahaja bukan pada maknanya. Ini kerana ia tidak mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan oleh ulama nahu untuk menjadi jawapan suruhan. Ini kerana suruhan dan jawapan atau balasannya hendaklah berbeza. Ia bertujuan mengelak dari jawapan suruhan adalah perkara yang sama dengan suruhan. Tetapi di sini jawapan adalah sama dengan suruhannya.²⁵

Kedua-dua qira'at tadi walaupun tidak membawa perbezaan yang besar dari sudut maknanya, ia tetap mengandungi makna halus terutamanya kepada mereka yang memahami bahasa Arab. Imam al-Biqā'iy menyatakan bahawa, bacaan (يَكُونُ) dengan rafa' kerana 'ataf kepada (يَقُولُ) menunjukkan kecepatan kejadian bertepatan dengan kehendak Allah s.w.t tanpa tangguh-tangguh. Beliau juga menukulkan bahawa nasab kalimah (يَكُونُ) pada qira'at Ibnu 'Amir bertujuan untuk menampakkan sebab.²⁶ Ini seolah-olah menyatakan punca semua kejadian itu kerana kehendak Allah s.w.t.

4. Ayat 119 Surah al-Baqarah

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَا تُسْأَلُ عَنْ أَصْحَابِ الْجَحِيمِ ﴿١١٩﴾

Ertinya; *Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau (Wahai Muhammad) dengan kebenaran, (serta menjadi) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar). dan (setelah engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan ditanya (bertanggungjawab) tentang ahli neraka.*

²⁵ Ibnu 'Adil (1998). *al-Lubāb Fī 'Ulūm al-Kitāb*. Juz. 2 Hal 427

²⁶ Al-Biqā'iy, Burhanuddin Ibrāhīm bin Umar Abu al-Hasan (1995). *Nazm al-Durar Fī Tanasub al-Ayat Wa al-Suwar*. Cet. 1 Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Juz. 1 Hal. 231

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Kedapatan dua qira'at pada ayat ini. Keduanya melibatkan i'rab dan pembentukan kata (taSrif). Imam Nafi' telah membaca kalimah (تَسْتَلُّ) dengan baris atas huruf ta dan baris mati huruf lam. Ini sedikit berbeza dengan bacaan jumhur qurra' yang meriwayatkan bacaan rafa' kedua-dua huruf tadi (تَسْتَلُّ).²⁷

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Bacaan jumhur qurra' yang merafa'kan (تَسْتَلُّ) berasaskan penggunaan kata kerja pasif yang tidak menyebut pelaku utamanya. Ia adalah satu kenyataan. Ia perihal Nabi s.a.w sepertimana perihal Baginda s.a.w yang telah disebut sebelumnya, membawa khabar gembira dan amaran dari Allah s.w.t atau ayat baru berkenaan dengan Nabi s.a.w. Ayat ini berbentuk penafian kebertanggungjawaban Nabi sekiranya mereka masih tidak beriman.²⁸

Qira'at imam Nafi' pula (تَسْتَلُّ) ialah larangan kepada Nabi s.a.w daripada bertanya mengenai keadaan ahli neraka. Larangan ini tersirat makna dahsyat dan teruknya azab yang dialami oleh mereka.²⁹

²⁷ Abu Abdillah Muhammad bin Syuraih (t.t). *al-Kafi Fial-Qira'at al-Sab'*. Hal. 65

²⁸ Al-Qaisiy (2007). *al-Kasyf 'An Wujuh al-Qira'at al-Sab' Wa 'Ilaliha Wa Hujajuha*. Juz. 1 Hal. 313. Al-Raziyy (2002). *Mafatih al-Ghaib*. Juz. 4 Hal. 34

²⁹ Al-Qaisiy (2007). *al-Kasyf 'An Wujuh al-Qira'at al-Sab' Wa 'Ilaliha Wa Hujajuha*. Juz. 1 Hal. 313

Kedua qira'at ini mengandung dua makna,³⁰ larangan dan kenyataan atau dalam istilah bahasa Arab, khabari dan insya'i. Setiap satu berbeza antara yang lain. Larangan di sini adalah untuk bertanya mengenai ahli neraka dan kenyataan pula ialah fakta bahawa Nabi s.a.w tidak dipertanggungjawabkan dengan kekufuran orang kafir. Keduanya tidak boleh difahami bersama. Bahkan jika melihat sebab penurunan ayat, dua Qira'at ini turun di dalam situasi yang berbeza.

Qira'at Nafi' dikatakan turun apabila Nabi s.a.w tertanya-tanya mengenai nasib kedua ibu bapanya. Qira'at jumhur pula berkaitan dengan riwayat al-Muqatil bahawa Nabi s.a.w berkata: *لو أن الله تعالى أنزل بأسه باليهود لأمثوا: .* Ertinya, *Sekiranya Allah menurunkan balanya kepada orang yahudi tentulah mereka akan beriman.* lalu turunlah ayat (وَلَا تُسْأَلُ عَنْ أَصْحَابِ)³¹ (الْجَحِيمِ)

5. Ayat 177 Surah al-Baqarah

﴿ لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ

Ertinya; *Bukanlah kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka kamu ke pihak timur dan barat.*

³⁰ Ibnu 'Atiyyat (2001). *al-Muharrar al-Wajiz Fi Tafsir al-Kitab al-'Azki*. Juz 1 Hal 203

³¹ Ibnu 'Adil (1998). *al-Lubab Fi 'Ulum al-Kitab*. Juz. 2 Hal. 436. Al-Tabariy (2000). *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Qur'an*. Juz.2 Hal. 558

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Pada kalimah (البر) kedapatan dua qira'at. Qira'at Nafi' dan Hamzah meletakkannya sebagai marfu' (البر). Lima imam-imam yang lain menasabkannya (البر).³²

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Kalimah (ليس) merupakan salah satu dari kategori (كان). Ia diletakkan pada jumlah ismiyyah yang terdiri dari muftada' dan khabar, lalu menasabkan kata nama yang asalnya muftada' dan merafa'kan khabar. Qira'at ini berkisar pada menentukan apakan isim (ليس) dan khabarnya.

Qira'at jumhur qurra' telah mengambil (البر) sebagai isim (ليس) dan (أَنْ تُؤَلُّوا) sebagai khabarnya, setelah ia ditakwil kepada masdar (تَوَلَّيْتُمْ). Makna ayat tersebut mengikut urutannya, *“bukanlah perkara kebaikan kamu menghadapkan muka kamu ke timur dan barat”*.

Imam Nafi' dan Hamzah dalam qira'at mereka telah mengambil posisi yang sebaliknya. Kalimah (البر) adalah khabar (ليس) dan masdar yang ditakwil dari (أَنْ تُؤَلُّوا) dijadikan isim (ليس). Makna yang terhasil berasaskan urutan asal ialah, *“bukanlah kamu menghadapkan*

³² Abu Abdillah Muhammad bin Syuraih (t.t). *al-Kafi Fial-Qira'at al-Sab'*. Hal. 68

muka ke timur dan barat itu adalah perkara kebajikan". Pertukaran sebegini adalah harus terutama apabila kalimah-kalimah yang terletak selepas (لَيْسَ) adalah ma'rifah.³³

Jika dilihat dari sudut makna, kedua-dua qira'at ini walaupun berbeza i'rabnya tidak menimbulkan perbezaan makna. Makna ayat dengan kedua qira'at ini tetap sama.³⁴ Ini kerana ia timbul dari hukum harus pada masalah tatabahasa yang sama. Perbezaan dan perbandingan yang wujud hanya dari aspek tatabahasa yang paling baik. Sepertimana kata Abu Hayyan, setiap qira'at ini masing-masing lebih baik dari yang lain dari sudut yang berbeza.³⁵

6. Ayat 184 Surah al-Baqarah

وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مَسْكِينٍ

Ertinya; *Dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin.*

³³ Al-Qaisy (2007). *al-Kasyf 'An Wujuh al-Qira'at al-Sab' Wa 'Ilalih a Wa Hujajuh a*. Juz. 1 Hal. 330

³⁴ Al-Biliy (1998). *al-Miksyaf 'Amm a Bain al-Qira'at al-'Asyr Min Khilaf*. Hal. 152

³⁵ Al-Razy (2002). *Mafatih al-Ghaib*. Juz. 5 Hal. 40. Abu Hayyan (1993). *al-Bahr al-Muhit*. Juz. 2 Hal. 4

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Imam Nafi' dan Ibnu Zakwan telah membaca kalimah (فِدْيَةٌ) tanpa tanwin dan kalimah (طَعَامٌ) dengan baris bawah. Imam-imam yang lain memberi kalimah (فِدْيَةٌ) tanwin dan kalimah (طَعَامٌ) baris hadapan.³⁶

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Imam Nafi' dan Ibnu Zakwan ketika membaca (فِدْيَةٌ) berbaris hadapan tanpa tanwin dan kalimah (طَعَامٌ) dengan baris bawah telah menyandarkan (فِدْيَةٌ) kepada (طَعَامٌ). Ia disebut dalam ilmu tatabahasa Arab sebagai idafaṭ. Penyandaran atau idafah ini ialah idafah sesuatu kepada jenisnya seperti ungkapan cincin besi. Ia bermaksud fidyah yang terdiri daripada memberi makan orang miskin.³⁷

Ia berbeza dengan qira'at jumhur. Jumhur telah meletakkan kalimah (طَعَامٌ) sebagai gantian atau badal kepada kalimah (فِدْيَةٌ). Seolah-olah kedua-dua kalimah tadi adalah perkara yang sama. Makna ayat tadi dengan qira'at ini, "fidyah: memberi makan orang miskin".³⁸

³⁶ Abu Abdillah Muhammad bin Syuraih (t.t). *al-Kafi Fi al-Qira'at al-Sab'*. Hal. 68

³⁷ Abu Hayyan (1993). *al-Bahr al-Muhit*. Juz. 2 Hal. 44

³⁸ Al-Qaisy (2007). *al-Kasyf 'An Wujuh al-Qira'at al-Sab' Wa 'Ilaliha Wa Hujajaha*. Juz. 1 Hal. 332. Al-Zuhailiy, Wahbah bin Mustafa (1997). *al-Tafsir al-Munir Fi al-'Aqidah Wa al-Syar'ah Wa al-Manhaj*. Cet. 2. Dimasyq: Dar al-Fikr al-Mu'asir. Juz. 2 Hal. 128

Dari sudut makna, tidak wujud perbezaan maksudnya. Ia tetap hukuman fidyah yang dikenakan kepada mereka yang tidak mampu berpuasa Ramadan, sama ada kerana tua atau sakit yang diyakini tidak sembuh.³⁹ Apa yang berlaku di dalam qira'at-qira'at tersebut ialah, dua bentuk laras bahasa yang digunakan untuk menerangkan maksud fidyah. Jelasnya, i'rab yang terjadi adalah kepelbagaian cara penerangan fidyah.⁴⁰

7. Ayat 197 Surah al-Baqarah

فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ^{٤١}

Ertinya; Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya dalam bulan-bulan tersebut (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, tidak boleh membuat maksiat dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat haji.

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Pada kalimah (رَفَثَ) dan (فُسُوقَ) wujud perbezaan i'rab hasil dari dua qira'at yang berbeza. Ibnu Kathir dan Abu 'Amru membaca keduanya dengan baris hadapan serta tanwin (فَلَا رَفَثٌ) (وَلَا فُسُوقٌ). Imam-imam yang lain meriwayatkan bacaan (فَلَا رَفَثٌ وَلَا فُسُوقٌ) iaitu membaris atas kalimah-kalimah tadi tanpa tanwin. Manakala kalimah (جِدَالَ) kekal dengan barisnya dalam dua qira'at tadi.⁴¹

³⁹ Al-Biliy (1998). *al-Miksyaf 'Ammā Bain al-Qira'at al-'Asyr Min Khilaf*. Hal. 317

⁴⁰ Ibnu 'Asyur (1984). *al-Tahrir Wa al-Tanwir*. Juz. 2 Hal. 167. Ibnu 'Adil (1998). *Al-Lubab Fi 'Ulum al-Kitab*. Juz. 3 Hal. 269

⁴¹ Abu Zur'ah, Abdurrahman bin Muhammad bin Zanjalah (2001). *Hujjah al-Qira'at*. Hal. 128

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Kalimah (رَفَّتْ) dan (فُسُوْقٌ) dengan baris hadapan bertanwin adalah muftada'. Huruf (لَا) pula tiada apa-apa kesan. Pandangan Ibnu 'Atiyyaṭ bahawa ia berfungsi dengan fungsi (لَيْسَ) adalah lemah. Rangkap (فِي الْحَجِّ) adalah khabar bagi muftada' tersebut.⁴² Walaupun pada zahirnya ayat tersebut adalah pernyataan, tetapi maknanya tersurat larangan. Maknanya, 'janganlah ada perkara berkenaan jima' dan maksiat di dalam ibadat haji'.⁴³

Bacaan jumhur (فَلَا رَفَّتْ وَلَا فُسُوْقٌ) dengan menganggap huruf (لَا) untuk penafian jenis. Jesteru, kedua-dua kalimah berbaris atas kerana kesan (لَا) tadi. Walaupun ia berbentuk penafian, namun ia adalah larangan yang cukup kuat. Ini kerana bacaan ini telah menafikan seseorang semasa haji melakukan sebarang bentuk perkara berkenaan jima' dan maksiat.⁴⁴

Kedua-dua makna yang terhasil dari qira'at yang berbeza ini pada penghujungnya sama sahaja. Perbezaan yang wujud pada bentuk penafian, antara penafian secara tersurat ataupun secara tersirat.⁴⁵ Imam al-Razi telah menyingkap perbezaan yang lain, terutama apabila melihat konteks keseluruhan ayat.

⁴² Abu Hayyan (1993). *al-Baḥr al-Muḥit*. Juz. 2 Hal. 96. Ibnu 'Adil (1998). *al-Lubāb Fī 'Ulūm al-Kitāb*. Juz. 3 Hal. 396

⁴³ Al-Tabariy (2000). *Jami' al-Bayan Fī Ta'wīl al-Qur'an*. Juz. 4 Hal. 140

⁴⁴ Ibnu 'Asyūr (1984). *al-Taḥrīr Wa al-Tanwīr*. Juz. 2 Hal. 233. Ibnu Abi Maryam (1993). *al-Kitāb al-Muḍāḥ Fī Wujūh al-Qira'at Wa 'Ilāḥā*. Juz. 1 Hal. 320

⁴⁵ Ibnu 'Asyūr (1984). *al-Taḥrīr Wa al-Tanwīr*. Juz. 2 Hal. 233

Katanya, adapun bacaan menasabkan ketiga-tiga kalimah tersebut (فَلَا رَفْتٌ وَلَا فُسُوقٌ) tiada kemusykilannya. Tetapi mereka yang membaca (فَلَا رَفْتٌ وَلَا فُسُوقٌ) berbaris hadapan serta tanwin, dan kalimah (جِدَالَ) berbaris atas, telah menunjukkan bahawa keprihatinan terhadap larangan perdebatan lebih kuat dari dua perkara sebelumnya. Ini kerana (رَفْتٌ) berkaitan dengan nafsu dan perdebatan mengandungi unsur menuruti nafsu. Begitu juga fasik yang menyalahi suruhan Allah s.w.t. Orang yang suka berdebat tidak akan tunduk pada kebenaran bahkan kadang-kadang menyakiti dan melampaui batas. Oleh kerana ini Allah s.w.t telah mengkhususkannya dengan larangan yang lebih kuat.⁴⁶

8. Ayat 214 Surah al-Baqarah

مَسَّتْهُمُ الْبَأْسَاءُ وَالضَّرَاءُ وَزُلْزِلُوا حَتَّى يَقُولَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ مَتَى نَصْرُ اللَّهِ

Ertinya; Mereka telah ditimpa kesusahan (kemusnahan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Pada kalimah (يَقُولُ) terdapat dua bacaan yang menyentuh i'rabnya. Jumhur qurra' telah membacanya dengan baris atas (يَقُولُ). Hanya imam Nafi' berbeza bacaan dengan qira'at (يَقُولُ) berbaris hadapan.⁴⁷

⁴⁶ Al-Razy (2002). *Mafatih al-Ghaib*. Juz. 5 Hal. 178

⁴⁷ Abu Abdillah Muhammad bin Syuraih (t.t). *al-Kafi Fial-Qira'at al-Sab'*. Hal. 70

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Perbezaan qira'at tersebut berpunca dari fungsi kalimah (حَتَّى). Sesuatu kata kerja kala kini akan dinasabkan selepas (حَتَّى) untuk menghasilkan makna (كَيْ) supaya atau (غَايَةً) kemuncak. Dalam qira'at jumhur, penggunaan (حَتَّى) adalah untuk menunjukkan kemuncak sesuatu dengan andaian makna (إِلَى). Maksudnya, “*mereka digoncangkan sehingga berkata Rasul dan orang-orang yang beriman*” (زُلْزِلُوا إِلَىٰ أَنْ يَقُولُوا).⁴⁸

Kata kerja kala kini (يَقُولُوا) dibaca dengan baris hadapan apabila menceritakan perihal sesuatu keadaan, sama ada keadaan yang wujud pada ketika penceritaan tersebut ataupun telah berlalu tetapi diceritakan kembali. Dalam konteks qira'at Nafi', ia menunjukkan cerita keadaan waktu yang telah berlalu. Maknanya, “*sehingga keadaan mereka pada waktu itu adalah Rasul dan orang-orang beriman berkata...*” (حَتَّىٰ حَالَتْهُمْ حِينَئِذٍ أَنْ الرَّسُولَ وَالَّذِينَ آمَنُوا يَقُولُونَ) (كَذَا وَكَذَا).⁴⁹

Melihat dari sudut perbandingan makna kedua qira'at tersebut, pada hakikatnya kedua-dua adalah cerita yang sama mengenai hal keadaan rasul dan orang beriman.

Namun begitu, qira'at Nafi' (يَقُولُوا) menurut setengah ulama lebih jelas dan terang. Ini kerana kata-kata tersebut mengenai goncangan dan berada secara langsung dengannya. Ia berbeza dengan makna kemuncak pada qira'at baris atas (يَقُولُوا) yang tidak mengandungi

⁴⁸ Abu Hayyan (1993). *al-Bahr al-Muhit*. Juz. 2 Hal. 149. Al-'Ukbariy, Abu al-Baqā' Abdullah bin Husain (t.t). *al-Tibyan Fi I'rab al-Qur'an*. Kaherah: Isa al-Babiy al-Halabiy Wa Syarikat. Juz. 1 Hal. 172

⁴⁹ Ibnu Hisyam (1991). *Mughniy al-Labib 'An Kutub al-'A'arib*. Juz. 1 Hal. 210

makna ini.⁵⁰ Begitu juga dari sudut masa yang ditunjukkan oleh qira'at Nafi' menggambarkan kisah yang telah berlaku.

9. Ayat 219 Surah al-Baqarah

وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ

Ertinya; *Dan mereka bertanya pula kepadamu: apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? katakanlah: apa yang berlebih dari keperluan (kamu).*

a. bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Pada ayat ini ada dua tempat yang berlaku perbezaan qira'at. Namun setempat sahaja yang berlaku qira'at berkaitan dengan i'rab. Iaitu pada kalimah (الْعَفْوَ). Imam Abu 'Amru telah membacanya dengan baris hadapan, manakala baki imam-imam yang lain menasabkannya.⁵¹

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Perbezaan i'rab dalam qira'at ini berpunca dari dua perkara. Setiap satunya mempengaruhi yang lain. Kalimah (مَاذَا) dalam bahasa Arab wujud dalam beberapa bentuk dan jenis.

⁵⁰ Al-Qurtubīy (1996). *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*. Juz. 3 Hal. 35. Al-Biqā'iy (1995). *Nazm al-Durar Fi Tanasub al-Ayat Wa al-Suwar*. Juz. 1 Hal. 397

⁵¹ Ibnu al-Jazarīy (t.t). *al-Nasyr Fi al-Qirā'āt al-'Asyr*. Juz. 2 Hal. 227

Jumlahnya enam sepertimana disebut oleh Ibnu Hisyam.⁵² Dalam qira'at ayat ini penggunaan kalimah (مَاذَا) melibatkan dua bentuk.

Di dalam bahasa Arab, jawapan sesuatu soalan hendaklah sama dengan i'rab soalnya.⁵³ Jika soalan berada pada kedudukan nasab, jawapannya juga pada kedudukan yang sama. Begitulah seterusnya.

Bacaan rafa' pada kalimah (الْعَفْوُ) adalah berpunca dari bentuk (مَاذَا) yang digunakan dan i'rabnya. Dalam qira'at Abu 'Amru, kalimah (مَاذَا) dianggap gabungan dari dua kata nama. (مَا) ialah kata tugas pertanyaan dan (ذَا) adalah isim mausul (الَّذِي). Jesteru, kalimah (مَا) adalah khabar yang didahulukan dan kalimah (ذَا) pula muftada'nya. Dari sini, jawapan (الْعَفْوُ) perlu berbaris hadapan pada kedudukan khabar sesuai dengan soalnya. Jawapan lengkap diandaikan (الَّذِي يُنْفِقُونَهُ هُوَ الْعَفْوُ) ertinya, *yang mereka nafkahkan ialah lebih harta*.⁵⁴

Berbeza dengan bentuk (مَاذَا) di atas, kalimah (مَاذَا) dalam qira'at jumhur adalah satu kata nama, bukan gabungan dari beberapa kata nama. Ia bermaksud (شَيْءٌ) atau (مَا). Kalimah (مَاذَا) dalam bentuk ini berada dalam kedudukan nasab kerana maf'ul bih kepada kata kerja yang diandaikan. Kaedah yang sama juga diaplikasi di sini, jawapan (الْعَفْوُ) hendaklah

⁵² Ibnu Hisyam (1991). *Mughniy al-Labib 'An Kutub al-A'arib*. Juz. 1 Hal. 483

⁵³ Ibnu Qasim al-Muradiy, Abu Muhammad Badruddin Hasan bin Qasim (2008). *Tawdih al-Maqasid Wa al-Masalik Bi Syarh Alfiah Ibnu Malik*. Cet.1. Kaerah: Dar al-Fikr al-Arabiy. Juz. 1 Hal. 440

⁵⁴ Ibnu 'Asyur (1984). *al-Tahrir Wa al-Tanwir*. Juz. 2 Hal. 352

berbaris atas sesuai dengan soalnya. Andaian penuh jawapan ialah (يُنْفِقُونَ الْعَقْرَ) ertinya, mereka menafkahkan lebih harta.⁵⁵

Setelah pengkaji memerhatikan kedua-dua qira'at beserta maknanya, didapati bahawa makna-makna yang terhasil hampir sama. Perbezaan yang wujud hanya pada bentuk penggunaan kalimah (مَاذَا) sahaja, seterusnya memberi kesan pada baris jawapan yang diberi (العَقْرَ).⁵⁶ Walaupun sama maknanya, ada ulama yang berpendapat, jawapan dengan baris atas lebih jelas maksudnya.

10. Ayat 233 Surah al-Baqarah

لَا تُكَلِّفُ نَفْسٌ إِلَّا أَوْسَعَهَا ۚ لَا تَضَارُّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ ۗ

Ertinya; *Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah dijadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga dijadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya.*

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Pada kalimah (تَضَارُّ) terdapat dua qira'at yang berkaitan dengan kedudukan i'rab. Imam Ibnu Kathir dan Abu 'Amru telah membacanya dengan baris hadapan (تَضَارُّ). Berbeza dengan bacaan jumhur yang menasabkan kalimah (تَضَارُّ).⁵⁷

⁵⁵ Al-'Ukbariy (t.t). *al-Tibyan Fi I'rab al-Qur'an*. Juz. 1 Hal. 176

⁵⁶ Al-Tabariy (2000). *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Qur'an*. Juz.4 Hal. 347

⁵⁷ Abdul Fattāh Abdul Ghani al-Qādī (2004). *al-Budūr al-Zāhirah Fī al-Qirā'āt al-'Asyr al-Mutawātirah*. Hal. 106

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Bacaan jumhur iaitu nasab kalimah (نَضَارٌ) berasaskan bahawa huruf (ل) digunakan untuk larangan. (ل) yang berbentuk larangan akan menyebabkan kata kerja masa sekarang berbaris mati.

Dalam konteks ayat ini, kalimah (نَضَارٌ) jika dirungkai adalah sepertimana berikut. Ia pada asalnya mempunyai dua huruf (و). Huruf (و) yang pertama berbaris mati sejak asal. Kemasukan huruf (ل) larangan telah mematikan baris (و) kedua di samping huruf (و) pertama yang mati. Ini menyebabkan bertemunya dua baris mati. Bagi mengelakkan kesukaran dalam sebutan, huruf (و) yang kedua dibaris atas sesuai dengan alif yang terdapat sebelumnya. Maknanya adalah seperti terjemahan di atas.

Adapun qira'at Ibnu Kathir dan Abu 'Amru, kalimah (نَضَارٌ) kekal dengan baris hadapan apabila tidak dimasuki oleh mana-mana faktor yang mengubah baris hadapannya. Huruf (ل) di hadapannya adalah untuk penafian dan ia bukanlah faktor pengubah. Walaupun maknanya bila diambilkira huruf (ل) tadi, penafian kepada seseorang menderita kerana ibunya, tetapi secara tersurat ia adalah larangan dari membuat perkara yang menyebabkan demikian.

Melihat kepada kedua-dua makna yang terhasil dari i'rab dalam qira'at-qira'at tersebut, bolehlah disimpulkan bahawa keduanya tidak berbeza. Kendatipun salah satu maknanya

adalah kenyataan dan fakta, dan satu lagi adalah larangan. Ini kerana dalam kenyataan tersebut tersurat larangan dari menyalahinya. Jesteru itu, para ulama menegaskan bahawa makna ayat dalam konteks kedua-dua qira'at, ialah larangan daripada memberi mudarat.⁵⁸

Melihat dari sudut perbandingan, imam al-Nahhas berpendapat qira'at yang menasabkan (تَضَارَّ) lebih jelas dan terang maknanya.⁵⁹ Ini kerana larangan yang menjadi kehendak ayat difahami secara langsung dengan penggunaan (لَا) untuk larangan. Ini berlainan dengan qira'at bukan jumhur yang difahami larangannya secara tersurat.

11. Ayat 240 Surah al-Baqarah

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا وَصِيَّةً لِأَزْوَاجِهِمْ مَّتَعًا إِلَى الْحَوْلِ غَيْرِ إِخْرَاجٍ^ع

Ertinya; *Dan orang-orang yang (hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka, iaitu diberi nafkah saguhati (makan, pakai dan tempat tinggal) hingga setahun lamanya, dengan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya.*

⁵⁸ Ibnu 'Atiyyat (2001). *al-Muharrar al-Wajiz Fi Tafsir al-Kitab al-'Azki*. Juz. 1 Hal. 312

⁵⁹ Al-Qaisiy, Abu Muhammad Makkiy bin Abi Talib (2008). *al-Hidayah Ila Bulugh al-Nihayah Fi 'Ilm Ma'ani al-Qur'an Wa Tafsirih Wa Ahkamih Wa Jumalin Min Funun 'Ulumih*. Jami'at al-Syariqat: Majmu'at Buhuth al-Kitab Wa al-Sunnah. Juz. 1 Hal. 780

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Di sini terdapat dua qira'at. Qira'at Abu 'Amru, Ibnu 'Amir, Hamzah dan HafS telah menasabkan kalimah (وَصِيَّةً). Manakala baki imam-imam qira'at telah merafa'kannya (وَصِيَّةً).⁶⁰

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Qira'at yang membaris ataskan kalimah (وَصِيَّةً) berasaskan bahawa ia adalah maf'ul kepada kata kerja dan fa'ilnya yang digugurkan. Kata kerja tersebut diandaikan (لِيُوصُوا). Ayat yang terdiri daripada kata kerja yang digugurkan itu adalah khabar kepada kalimah (الَّذِينَ).⁶¹ Dengan ini ayat ini bermaksud, “hendaklah mereka berwasiat dengan wasiat kepada isteri-isteri mereka”.

Qira'at jumhur qurra' apabila merafa'kan kalimah (وَصِيَّةً) adalah berdasarkan ia adalah muftada' yang dikemudiankan. Kedudukan (وَصِيَّةً) yang nakirah sebagai muftada' dibolehkan oleh kewujudan sifatnya (لِأَزْوَاجِهِمْ) manakala khabarnya digugurkan. Asalnya diandaikan (فَعَلَيْهِمْ وَصِيَّةً لِأَزْوَاجِهِمْ).⁶² Abu Hayyan berpendapat bahawa (لِأَزْوَاجِهِمْ) adalah khabar

⁶⁰ Ibnu al-Jazarīy (t.t). *al-Nasyr Fī al-Qirā'āt al-'Asyr*. Juz. 2 Hal. 228

⁶¹ Abu Zur'ah (2001). *Hujjah al-Qira'at*. Hal. 138

⁶² Al-'Ukbariy (t.t). *al-Tibyan Fī l'rab al-Qur'an*. Juz. 1 Hal. 192

dan sifatnya (منهم) gugur.⁶³ Makna ayat mengikut pandangan pertama, “*maka keatas mereka wasiat kepada isteri-isteri mereka*”.

Kedua-dua qira’at walaupun berbeda dari sudut i’rab, namun makna setiap satunya tidak tersasar jauh dari yang lain. Perbezaan yang wujud adalah kepelbagaian bentuk luahan bahasa yang digunakan oleh Allah s.w.t dalam ayat ini. Oleh itu, imam al-Razi setelah menukilkan dua qira’at ini dan kewajaran tatabahasa menyatakan, kedua-dua qira’at ini menunjukkan wasiat wajib oleh suami yang hendak meninggal dunia kepada isterinya.⁶⁴

12. Ayat 245 Surah al-Baqarah

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أَمْعَافًا كَثِيرًا

Ertinya; *Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya?*

a. Bentuk qira’at yang wujud dan sandarannya

Dalam ayat ini kedapatan dua qira’at yang menyentuh secara langsung dengan i’rab. Dua imam qira’at, Ibnu ‘Amir dan ‘Asim telah membaca kalimah (فَيُضَاعِفُهُ) dengan baris atas

⁶³ Abu Hayyan (1993). *al-Bahr al-Muhit*. Juz. 2 Hal. 254

⁶⁴ Al-Razi (2002). *Mafatih al-Ghaib*. Juz. 6 Hal. 171

pada huruf fa yang kedua. Manakala jumhur qurra' telah meletakkan baris hadapan pada huruf tersebut.⁶⁵

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Dalam ayat tersebut juga terdapat perbezaan qira'at dari sudut morfologi, di mana ada qari yang membaca (يُضَاعَفُهُ) dan sebahagian lain (يُضَعِّفُهُ). Walaupun begitu, ia tidak memberi kesan makna ayat sekaligus membolehkan analisis dibuat pada i'rab dan kesannya tanpa pengaruh morfologi.⁶⁶

Qira'at Ibnu 'Amir dan 'Asim berasaskan kepada salah satu dari asas berikut. Pertama, sebelum kalimah (يُضَاعَفُهُ) tersembunyi huruf (أَنْ) yang menasabkannya. Tujuannya ialah supaya ia boleh ditakwilkan kepada kata nama bukan lagi kata kerja. Pentakwilan ini perlu kerana ia dianggap ma'tuf kepada masdar yang difahami secara makna dari kalimah (يُفْرَضُ). Penafsirannya ialah (أَنْ) yang bermaksud,

barangsiapa yang pinjaman itu darinya maka lipat ganda itu dari Allah s.w.t.

Kedua, ia dinasabkan kerana sebagai jawapan kepada soalan yang difahami dari pertanyaan itu, iaitu (أَيُّفْرَضُ اللهُ تَعَالَى أَحَدٌ فَيُضَاعَفُهُ) yang bererti, *adakah terdapat seseorang yang memberi*

⁶⁵ Ibnu al-Jazarīy (t.t). *al-Nasyr Fī al-Qirā'āt al-'Asyr*. Juz. 2 Hal. 228

⁶⁶ Ibnu Abi Maryam (1993). *al-Kitāb al-Mudah Fī Wujūh al-Qirā'āt Wa 'Ilaliha*. Juz. 1 Hal. 332. Al-Qurtubīy (1996). *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*. Juz. 3 Hal. 242

pinjam kepada Allah s.w.t lalu Allah menggandakannya?. Seolah-olah pertanyaan mengenai kewujudan perbuatan tersebut lalu Allah s.w.t menggandakan balasannya.⁶⁷

Qira'at jumbuh dasarnya mudah. Ia berbaris hadapan kerana mubtada' kepada khabar yang gugur. Ayat yang lengkap ialah (فَهُوَ يُضَاعَفُهُ) ertinya, *dia (Allah) menggandakannya*, ataupun kerana ma'tuf kepada kata kerja (يُقْرَضُ) yang juga berbaris hadapan.⁶⁸

Jika dilihat dari perbezaan qira'at tadi, kedapatan empat makna yang terhasil dari perbezaan analisis tatabahasa. Namun jika diteliti, perbezaan yang wujud hanya dari sudut ayat kata kerja atau ayat kata nama. Juga sama ada (يُضَاعَفُهُ) ma'tuf kepada kata kerja (يُقْرَضُ) atau ma'sdar yang tersembunyi (قِرَضٌ). Kepelbagaian ini hanya dari sudut gaya persembahan. Manakala dari sudut makna, semuanya menyumbang kepada galakan memberi sumbangan pada jalan Allah s.w.t.

13. Ayat 254 Surah al-Baqarah

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا بَيْعَ فِيهِ وَلَا خِلاَةَ وَلَا شَفِيعَةً

وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Ertinya; *Wahai orang-orang yang beriman! infaqilah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepada kamu, sebelum tibanya hari (kiamat) yang tidak ada*

⁶⁷ Al-Alusiyy, Syihabuddin al-Sayyid Mahmud (t.t). *Ruh al-Ma'aniy Fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim Wa al-Sab' al-Mathaniy*. Juz. 2 Hal. 243

⁶⁸ Ibnu 'Adil (1998). *al-Lubab Fi 'Ulum al-Kitab*. Juz. 4 Hal. 255. Al-Qurtubiy (1996). *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Juz. 3 Hal. 242

jual-beli padanya, dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syafaat. Dan orang-orang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim.

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Dalam ayat ini terdapat tiga kalimat yang berubah baris i'rab kerana qira'at yang berbeza. Imam Ibnu Kathīr dan Abu 'Amru telah membaca (بَيْعٌ), (خُلَّةٌ) dan (شَفَاعَةٌ) dengan baris atas. Ini berbeza dengan qira'at majoriti ulama lain. Mereka telah membacanya dengan baris hadapan bertanwin (لَا يَبِيعُ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَاعَةٌ).⁶⁹

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Kedua-dua qira'at ini berpunca dari penggunaan huruf (ل) dan kesannya. Ini kerana huruf (ل) yang digunakan untuk penafian ada lima bentuk. Setiap satunya mempunyai fungsi masing-masing dari sudut makna dan kesan i'rab.⁷⁰

Qira'at minoriti berpunca dari (ل) yang dianggap sebagai (ل) menafikan jenis sesuatu itu. Bentuk (ل) ini berfungsi sebagaimana (لَنْ) akan menyebabkan kata nama selepasnya berbaris atas (لَا يَبِيعُ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَاعَةٌ). Dalam konteks ayat ini, ketiga-tiga perkara tadi telah dinafikan kewujudan jenisnya pada hari kiamat kelak.⁷¹

⁶⁹ Abdul Fattāh Abdul Ghani al-Qādī (2004). *al-Budūr al-Zāhirat Fī al-Qirā'āt al-'Asyr al-Mutawātirah*. Hal. 108. Ibnu al-Jazarīy (t.t). *al-Nasyr Fī al-Qirā'āt al-'Asyr*. Juz. 2 Hal. 211

⁷⁰ Ibnu Hisyam (1991). *Mughniy al-Labīb 'An Kutub al-'A'arīb*. Juz. 1 Hal. 392

⁷¹ Ibnu Abi Maryam (1993). *al-Kitāb al-Mudāh Fī Wujūh al-Qirā'at Wa 'Ilaliha*. Juz. 1 Hal. 337

Adapun qira'at jumhur, ia berdasarkan bentuk huruf (ل) juga. Ada dua jenis (ل) yang akan menyebabkan kalimah selepasnya berbaris hadapan. Pertama huruf (ل) yang bertindak sebagaimana (لَيْسَ). Ia merafa'kan muftada' dan menasabkan khabar. Kedua huruf (ل) yang tidak berfungsi apa-apa. Ayat selepasnya adalah muftada' dan khabar yang keduanya berbaris hadapan.⁷²

Dalam ayat ini, tiga kalimah tersebut adalah muftada'. Kalimah (فِيهِ) adalah khabar kepada (بِئْسَ). Manakala khabar kepada (خُلَّةٌ) dan (شَفَاعَةٌ) adalah (فِيهِ) juga tapi ia telah digugurkan kerana ia telah pun difahami melalui kewujudan khabar (فِيهِ) tadi.

Dari sudut makna, qira'at yang menasabkan adalah berbentuk penafian sebarang bentuk tiga perkara tersebut. Namun jika diteliti, kedua qira'at adalah penafian jenis. Keduanya bermaksud sama. Ini kerana kalimah (بِئْسَ), (خُلَّةٌ) dan (شَفَاعَةٌ) sendiri adalah kata nama jenis. Jika ianya dinafikan tanpa (ل) untuk penafian jenis sekalipun, ketiga perkara tersebut ternafi jenisnya juga.⁷³

Qira'at jumhur juga dari kaca mata setengah ulama memberi maksud umum. Ini berdasarkan kaedah kata nama nakirah sekiranya berada dalam ayat penafian menunjukkan umum. Cuma yang mungkin perbezaan dalam kedua qira'at ini ialah, qira'at minoriti lebih kuat dan jelas keumumannya.

⁷² Al-Biliy (1998). *al-Miksyaf 'Ammā Bain al-Qira'at al-'Asyr Min Khilaf*. Hal. 265

⁷³ Ibnu 'Asyur (1984). *Al Tahrir Wa al Tanwir*. Juz. 3 Hal. 15

14. Ayat 177 Surah al-Baqarah

❦ لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُولُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ
وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالصَّرَآءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ
الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

Ertinya; Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka kamu ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, hari akhirat, segala malaikat, segala kitab, dan sekalian nabi; dan seseorang mendermakan hartanya ketika dia masih menyayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang yang terlantar dalam perjalanan, orang-orang yang meminta dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi: (dan) seseorang mengerjakan sembahyang serta mengeluarkan zakat; (dan) orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; (dan) orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, kesakitan dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang sabil. (Orang-orang yang demikian sifatnya) Mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan) dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa.

Ayat 189 Surah al-Baqarah

وَلَيْسَ الْبُرْيَانُ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبُرْيَانَ مِنَ الْأَيْمَانِ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ

أَبْوَابِهَا وَأْتُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿١٨٩﴾

Ertinya; Dan bukanlah perkara kebajikan kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram), akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa dan masuklah ke rumah (kamu) itu melalui pintunya, serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya.

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Pada rangkap (لكن البر) dalam kedua-dua ayat di atas terdapat dua qira'at. Imam Nafi' dan Ibnu 'Amir telah membaca kalimah (لكن) dengan nun yang berbaris mati. Di samping itu, kalimah (البر) dibaca dengan baris hadapan. Berbeza dengan dua imam tadi, majoriti ulama qira'at telah membaca (لكن) dengan nun berbaris atas bersabdu dan (البر) yang berbaris atas.⁷⁴

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Perbezaan qira'at yang wujud dalam kedua ayat ini hasil dari fungsi (لكن). Kalimah (لكن) dengan huruf nun mati adalah untuk pembetulan (الاستدراك) dan kepastian. Ia juga adalah huruf yang menunjukkan permulaan ayat. Jesteru, apa yang selepasnya adalah ayat kata nama. Kalimah (البر) adalah muftada' dan baki ayat adalah khabarnya.

⁷⁴Ibnu al-Jazarīy (t.t). *al-Nasyr Fī al-Qirā'at al-'Asyr*. Juz. 2 Hal. 219

Apa yang berlaku pada kedua ayat ini adalah sama seperti ayat 102 surah al-Baqarah. Ulasan tatabahasa dan makna adalah sama. Oleh itu beberapa ulama tidak memberi ulasan panjang lebar bahkan merujuk kepada apa yang berlaku dalam ayat 102 tersebut.

Begitu juga dengan qira'at yang menasabkan (البرّ). Ia berpunca dari kalimah (لكنّ) yang merupakan salah satu dari kumpulan (إنّ) yang menasabkan muftada' dan merafa'kan khabar. Dalam dua ayat ini, kalimah (البرّ) adalah muftada' yang dinasabkannya dan (مَنْ آمَنَ) dan (مَنْ انْفَى) adalah khabarnya. Kegunaan (لكنّ) adalah untuk pembetulan (الاستدراك) dan penguat.⁷⁵

Satu-satunya perkara yang membawa kepada perbezaan qira'at dalam kedua ayat ini ialah perbezaan pada penggunaan (لكن) dan kesannya. Walaupun begitu, ia tidak memberi kesan terhadap makna yang dibawa oleh ayat-ayat tersebut. Dalam kedua-dua ayat perkataan (لكن) tetap berfungsi sebagai pembetulan (الاستدراك) selepas penafian serta penguat. Dalam ulasan ayat 102 surah al-Baqarah telah dijelaskan bahawa perbezaan (لكن) adalah kerana lajhah. Oleh itu tidak hairanlah imam Ibnu 'Asyur secara terang menyatakan bahawa maknanya adalah sama sahaja.⁷⁶

⁷⁵ Al-Biliy (1998). *al-Miksyaf 'Ammā Bain al-Qira'at al-'Asyr Min Khilaf*. Hal. 151

⁷⁶ Ibnu 'Asyur (1984). *Al Tahrir Wa al Tanwir*. Juz. 2 Hal. 129

15. Ayat 271 Surah al-Baqarah

إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَيُكَفِّرُ

عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Ertinya; Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu, dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan.

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Dalam ayat ini ada empat bentuk qira'at. Dua antaranya berkaitan dengan morfologi dan bakinya dalam bidang sintaksis. Imam Ibnu 'Amir dan Hafṣ telah membaca (يُكْفَرُ) dengan (ياء). Manakala imam-imam yang lain bacaannya dengan huruf nun (نُكْفَرُ). Imam Nafi', Kisa'i dan Hamzah telah membaris matikan huruf ra (رُكْفَرُ). Jumhur ulama qira'at pula membaca dengan baris hadapan (رُكْفَرُ).⁷⁷

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Dalam ayat ini berlaku beberapa perbezaan qira'at pada kalimah (يُكْفَرُ). Qira'at yang wujud berkaitan dengan morfologi dan sintaksis. Oleh kerana perbahasan hanya dikhususkan

⁷⁷ Abu Abdillah Muhammad bin Syuraih (t.t). *al-Kafi Fi al-Qira'at al-Sab'*. Hal. 73

kepada perbezaan baris i‘rab, maka pada perkataan ini hanya terdapat dua qira’at sahaja. Baris hadapan dan mati.

Qira’at baris hadapan (يُكْفِّرُ/نُكْفِرُ) iaitu qira’at Abu ‘Amru, Ibnu Kathir, ‘Asim dan Ibnu ‘Amir berasaskan kepada dua analisis nahu. Pertamanya, kata kerja (يُكْفِّرُ/نُكْفِرُ) adalah khabar kepada mubtada’ yang digugurkan. Ayat penuh ialah ia (sedekah) menghapuskan (فَهُوَ يُكْفِّرُ) atau kami menghapuskan (وَنَحْنُ نُكْفِرُ). Analisis kedua ialah, huruf waw bukanlah untuk perkongsian dengan kenyataan sebelum ini (وَإِنْ تُحْفُواهَا وَتُؤْتُواهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ), bahkan permulaan ayat baru sambil ‘ataf kepada ayat sebelum ini.⁷⁸

Adapun qira’at yang mematkan kata kerja (نُكْفِرُ), ia berdasarkan kepada kaedah asal i‘rab jawab syarat. kedudukan i‘rab jawab syarat ialah jazam. Huruf waw (و) sebelumnya adalah ‘ataf kepada jawab syarat (فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ). Oleh kerana itu, kata kerja (نُكْفِرُ) hendaklah berbaris mati sebagai tanda jazam.⁷⁹

c. Analisis makna dan perbandingan

Melihat makna ayat tersebut dari konteks dua qira’at ini, pengkaji mendapati tiada perubahan dan perbezaan makna yang timbul. Ini kerana dalam kedua-dua qira’at, ia tetap menyatakan kelebihan yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada pemberi sedekah dan sedekah yang tersembunyi lebih afdal.

⁷⁸ Al-Qurtubīy (1996). *al-Jāmi‘ Li Ahkām al-Qur’ān*. Juz. 3 Hal. 336

⁷⁹ Al-‘Ukbariy (t.t). *al-Tibyan Fil‘rab al-Qur’an*. Juz. 1 Hal. 222

Namun, setiap qira'at rupanya mengandung lebih makna yang tidak terdapat dalam qira'at yang lain. Imam Ibnu 'Atiyyat menegaskan, jazam huruf ra (نَكَفَّرُ) lebih jelas maknanya. Berikutan kata kerja (نَكَفَّرُ) telah diletakkan sebagai balasan dengan bantuan kedudukan i'rab. Makna sebegini tiada dalam bacaan baris hadapan.⁸⁰

Walaupun begitu, kalimah (يُكَفِّرُ/نَكَفَّرُ) dengan baris hadapan turut menyumbang makna yang tidak terdapat dalam bacaan sebaliknya. Kedudukannya yang tidak terikat sebagai ganjaran meletakkannya lebih umum dan menyeluruh. Seolah-olah penghapusan dosa terhasil dengan kewujudan sedekah tanpa mengira secara tersembunyi atau terangan. Ini berbeza dengan satu lagi qira'at yang menghadkan penghapusan dosa kepada perbuatan sedekah secara tersembunyi.⁸¹

16. Ayat 282 Surah al-Baqarah

فَإِنْ لَّمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا

فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى^ج

Ertinya; Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi.

⁸⁰ Ibnu 'Atiyyat (2001). *al-Muḥarrar al-Wajīz Fi Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*. Juz. 1 Hal. 367

⁸¹ Abu Hayyan (1993). *al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Juz. 2 Hal. 339

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Ayat ini terdapat beberapa qira'at yang berkaitan antara satu sama lain. Kaitan ini berkenaan dengan aspek sintaksis dan sedikit aspek morfologi.

Imam Hamzah membaca kalimah (إِنْ) dengan hamzah berbaris bawah. Pada kata kerja (فَتَذَكَّرُ) imam Hamzah telah meriwayatkan baris hadapan. Bagi qira'at jumhur pula, huruf (أَنْ) dibaca dengan hamzah berbaris atas. Manakala kata kerja (فَتَذَكَّرُ) diletakkan baris atas.⁸²

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Qira'at Hamzah telah meletakkan (إِنْ) dengan hamzah berbaris bawah sebagai huruf syarat. Dengan ini, mengikut kaedah bahasa Arab, kedua-dua syarat dan jawabnya akan berada pada kedudukan jazam. Begitulah yang terjadi kepada kata kerja selepasnya (تَضَلَّلَ). Tetapi oleh kerana ia kata kerja yang berganda huruf akhir, maka ia berbaris atas untuk mengelak dari berlaku pertemuan dua baris mati. Asalnya ialah (تَضَلَّلَ) kemudian dimasukkan huruf lam yang pertama dalam lam kedua dan dibaris ataskan kerana sebab yang disebut diatas.

Huruf fa pada kalimah (فَتَذَكَّرُ) adalah jawabannya. Ia pada hakikatnya berada pada kedudukan jazam. Kata kerja yang terletak selepas huruf fa jawab syarat adalah permulaan

⁸² Abu Abdillah Muhammad bin Syuraih (t.t). *al-Kafi Fial-Qira'at al-Sab'*. Hal. 74

ayat baru. Oleh itu kata kerja (فَتَذَكَّرُ) dibaris hadapankan. Ia seperti ayat 95 surah al-Maaidah (وَمَنْ عَادَ فَيَنْتَقِمُ اللَّهُ مِنْهُ).⁸³

Ertinya: *sesiapa yang mengulangi (kesalahan itu) maka Allah akan menyeksanya.*

Majoriti ulama qira'at kecuali imam Hamzah telah memberi baris atas kepada (أَنْ) serta menyembunyikan huruf lam. Ayat penuh ialah (لِأَنَّ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى). Oleh itu, kalimah (تَضِلَّ) berbaris atas kerana (أَنْ). Manakala kata kerja (فَتُذَكَّرَ) pula adalah penurut atau 'ataf kepada kata kerja (تَضِلَّ) lalu barisnya juga menuruti baris (تَضِلَّ) iaitu baris atas.⁸⁴

Makna yang dibawa oleh kedua-dua qira'at agak berbeza. Ini kerana qira'at Hamzah menggunakan gaya bahasa syarat dan qira'at jumbuh menggunakan huruf lam yang menunjukkan sebab (لِأَنَّ التَّعْلِيلِ). Makna yang terhasil dari qira'at Hamzah ialah, "*seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi*"

Dengan penggunaan huruf lam sebab (لِأَنَّ التَّعْلِيلِ) maksud ayat ialah, "*seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya seorang daripada saksi-saksi akan mengingatkan yang lain jika terlupa*".⁸⁵

⁸³ Abu Zur'ah (2001). *Hujjah al-Qira'at*. Hal. 150

⁸⁴ Ibnu Abi Maryam (1993). *al-Kitab al-Mudhah Fi Wujuh al-Qira'at Wa 'Ilaliha*. Juz. 1 Hal. 352-353

⁸⁵ Abu Hayyan (1993). *al-Bahr al-Muhit*. Juz. 2 Hal. 365

Apabila kedua makna ini dibandingkan antara satu sama lain, yang pasti kehendak ayat yang terhasil adalah sama. Perbezaan yang timbul dalam qira'at ini hanyalah bentuk penyampaian yang berbeza. Ia bertepatan dengan bahasa Arab itu sendiri yang kaya dengan kepelbagaian uslub dan gaya penyampaian.

17. Ayat 282 Surah al-Baqarah

ذٰلِكُمْ اَقْسَطُ عِنْدَ اللّٰهِ وَاَقْوَمٌ لِلشَّهَادَةِ وَاَدْنٰى اِلَّا تَرْتَابُوْا اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ تِجَارَةً حَاضِرَةً

تُدِيْرُوْنَهَا بَيْنَكُمْ

Ertinya; *Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah, lebih menguatkan keterangan saksi dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri.*

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Kedapatan pada rangkap (تِجَارَةٌ حَاضِرَةٌ) dua qira'at. Qira'at imam 'Asim dan qira'at jumhur qurra' selain 'Asim. Imam 'Asim telah membaca kedua-dua kalimah tadi dengan baris atas, manakala majoriti ulama qira'at pula telah meriwayatkan bacaan berbaris hadapan.⁸⁶

⁸⁶ Ibnu al-Jazarīy (t.t). *al-Nasyr Fi al-Qirā'āt al-'Asyr*. Juz. 2 Hal. 237

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Perbezaan yang berlaku pada rangkap (تِجَارَةٌ حَاضِرَةٌ) adalah disebabkan jenis (كَانَ) yang digunakan. Lafaz (كَانَ) dalam bahasa Arab dibahagikan kepada tiga jenis. Pertama, yang sempurna (كَانَ التَّامَّةَ) membawa makna berlaku atau terjadi, kedua yang kurang sempurna (كَانَ النَّاقِصَةَ), ketiga penambahan (كَانَ الزَّائِدَةَ). Kedua-dua qira'at ini berada diantara (كَانَ التَّامَّةَ) dan (كَانَ النَّاقِصَةَ). Lafaz (كَانَ) yang sempurna hanya berkehendakkan isim yang marfu', manakala (كَانَ) yang kurang sempurna memerlukan isim yang marfu' dan khabar yang mansub.⁸⁷

Qira'at 'Asim yang menasabkan kedua kalimah itu berasaskan (كَانَ) adalah kurang sempurna (النَّاقِصَةَ), lalu memerlukan isim dan khabar. Kalimah (تِجَارَةٌ) adalah khabarnya dan (حَاضِرَةٌ) ialah sifatnya. Isim (كَانَ) pula kata ganti nama tersembunyi dalam (تَكُونُ) dengan andaian (هِيَ التِّجَارَةُ) dengan erti, *ia (perniagaan)*. Andaian makna ayat yang penuh ialah, "*kecuali ia (perniagaan) perniagaan yang tunai yang kamu edarkan sesama sendiri*".⁸⁸

Untuk qira'at jumbuh, ada dua penafsiran tatabahasa. Pertama, lafaz (كَانَ) di sini adalah sempurna dan tidak memerlukan khabar. Jadi kalimah (تِجَارَةٌ) adalah isim yang dirafa'kannya beserta (حَاضِرَةٌ) sebagai sifatnya. Penafsiran tatabahasa kedua ialah, lafaz (كَانَ) disini adalah tidak sempurna. Yang berbeza dengan qira'at 'asim ialah kedua-dua isim

⁸⁷ Ibnu 'Aqil, Abdullah bin Abdurrahman al-'Uqailiy (1980). *Syarh Ibnu 'Aqil 'Ala Alfiyah Ibnu Malik*. Cet. 20. Kaherah: Dar al-Turath. Juz. 1 Hal. 279/288

⁸⁸ Al-Qurtubīy (1996). *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*. Juz. 3 Hal. 402

dan khabarnya zahir. Isimnya yang marfu‘ ialah (تِجَارَةٌ) dan khabarnya kata kerja selepasnya (تُدِيرُونَهَا).⁸⁹

Kedua-dua qira’at dalam ayat di atas telah menghasilkan tiga bentuk makna. Pertama, “*kecuali perniagaan itu perniagaan yang tunai yang kamu edarkan sesama sendiri*”. Kedua, “*kecuali berlaku perniagaan yang tunai yang kamu edarkan sesama sendiri*”. Dan makna ketiga, “*kecuali perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri*”. Daripada makna-makna yang terhasil dari analisis tatabahasa setiap qira’at yang disebutkan, tiada perbezaan maksud yang terhasil. Jesteru itu, tiada apa-apa penambahan hukum yang terhasil dari perbezaan makna ini.⁹⁰

18. Ayat 284 Surah al-Baqarah

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبَدُّوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخَفُّوهُ يَحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ

فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Ertinya; *Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung kamu dengannya. Kemudian Dia mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

⁸⁹ Al-Baghawiy, Abu Muhammad al-Husain bin Mas‘ud (1997). *Ma‘alim al-Tanzil Fi Tafsir al-Qur’an*. Cet. 4. Al-Riyad: Dar Tiba‘at Li al-Nasyr Wa al-Tawzi‘. Juz. 1 Hal. 352

⁹⁰ Al-Biliy (1998). *al-Miksyaf ‘Amm a Bain al-Qira’at al-‘Asyr Min Khilaf*. Hal. 268

a. Bentuk qira'at yang wujud dan sandarannya

Pada dua kata kerja (فَيَعْفُرُ) dan (يُعَذِّبُ) terdapat dua qira'at yang berkaitan dengan i'rab. Dua imam qira'at iaitu imam ibnu 'Amir dan imam 'Asim telah membaca kedua-dua perkataan tersebut dengan baris hadapan pada huruf ra (فَيَعْفُرُ) dan ba (يُعَذِّبُ). Pada waktu yang sama, seluruh qurra' yang lain meriwayatkan bacaan (فَيَعْفُرُ) dan (يُعَذِّبُ) dengan mematikan baris ra (فَيَعْفُرُ) dan ba (يُعَذِّبُ).⁹¹

b. Analisis tatabahasa qira'at tersebut

Perbezaan dua qira'at ini berdasarkan kemungkinan i'rab yang wujud selepas huruf fa. Ini kerana kaedah yang digunapakai adalah, apabila terdapat selepas jawab syarat kata kerja sekarang yang berhubung dengan huruf fa atau waw, maka harus terjadi tiga bentuk i'rab pada kata kerja tersebut; rafa', nasab dan jazam.⁹² Itulah yang terjadi pada ayat ini. Setiap qira'at mengambil satu bahagian dari tiga i'rab ini.

Minoriti qurra' iaitu Ibnu 'Amir dan 'Asim meriwayatkan bacaan berasaskan permulaan ayat baru. Ayat baru ini samada ayat kata kerja dan ia jelas pada qira'at ini, ataupun ayat kata nama tetapi dengan andaian penambahan kata ganti nama yang merujuk kepada Allah s.w.t. Ayat lengkap ialah (فَهُوَ يَعْفُرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ) yang bermaksud, *maka Dia (Allah) mengampuni sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa sesiapa yang dikehendaki-Nya.*

⁹¹ Abdul Fattāh Abdul Ghani al-Qādī (2004). *al-Budūr al-Zāhirah Fī al-Qirā'āt al-'Asyr al-Mutawātirah*. Hal. 114

⁹² Ibnu 'Aqil (1980). *Syarh Ibnu 'Aqil 'Ala Alfīyah Ibnu Malik*. Juz. 4 Hal. 39

Imam Ibnu ‘Asyur menyatakan bahawa i‘rab nasab kata kerja telah diambil oleh sebuah qira’at syaz.⁹³

Qira’at jumhur pula telah bersandarkan kepada i‘rab yang menjazamkan kata kerja sekarang yang terletak selepas huruf fa atau waw dan jawab syarat. I‘rab ini berpandukan bahawa kata kerja ini adalah ‘ataf kepada jawab syarat yang berkedudukan jazam. Jesteru ia turut jazam. Dalam konteks ayat ini, kata kerja (فَيَغْفِرُ) dan (يُعَذِّبُ) masing-masing di‘atafkan kepada kata kerja (يُحَاسِبُكُمْ) yang menjadi jawab syarat. Oleh itu, ketiga-tiga kata kerja sekarang terbabit hendaklah berbaris mati.⁹⁴

Makna-makna yang dihasilkan dari dua qira’at terbabit jika diteliti tidak memberi apa-apa perubahan dan perbezaan yang ketara. Imam Ibnu ‘Amir dan ‘Asim dalam qira’at mereka membawa maksud, “*dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung kamu dengannya. Kemudian dia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa sesiapa yang dikehendaki-Nya*”.

Menurut qira’at jumhur pula, makna yang dihasilkan oleh qira’at mereka pula ialah, “*dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung kamu dengannya, kemudian akan mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa sesiapa yang dikehendaki-Nya*”.

⁹³Ibnu ‘Asyur (1984). *al-Tahrir Wa al-Tanwir*. Juz. 3 Hal. 131

⁹⁴Muhammad Rasyid bin Ali Rida (1990). *Tafsir al-Manar*. Kaherah: al-Hai’at al-Misriyyat al-‘Amah Li al-Kitab. Juz. 3 Hal. 117

Makna-makna ini tidak berbeza antara satu sama lain. Satu-satunya perbezaan yang wujud ialah gaya dan bentuk persembahan sesebuah pernyataan. Kerana itulah fungsi kaedah yang telah disebutkan dalam analisis tatabahasa. Ia kepelbagaian yang bertapakkan keharusan.

4.5 KESIMPULAN

Perbezaan i'rab yang berlaku disebabkan perbezaan qira'at tujuh berlaku berasaskan sistem tatabahasa Arab yang pelbagai. Ia benar-benar berlandaskan tatabahasa dan penggunaan bahasa Arab yang serba kaya. Walaupun kedapatan beberapa orang ulama yang menganggapnya sebagai lemah, tetapi kajian dan analisis membuktikan ia berada selaras dengan ilmu sintaksis Arab itu sendiri. Ini sesuai dengan asas penerimaan sesebuah qira'at itu sendiri yang mensyaratkan ketepatannya dengan mana-mana wajah nahu.

Analisis dari sudut makna telah membuktikan bahawa perbezaan i'rab yang berlaku telah menerbitkan maknanya yang tersendiri. Ini bertepatan dengan teori yang dikemukakan sebelum ini bahawa setiap i'rab mengandungi maknanya yang tersendiri.

Daripada analisis yang dibuat, pengkaji juga mendapati bahawa kebanyakan makna yang terhasil berada dalam kategori pertama pembahagian imam al-Daniy. Ini bermakna kebanyakan makna yang terhasil walaupun dari i'rab yang berbeza, tetapi tetap tidak berbeza dari makna yang satu lagi. Apa yang berlaku bolehlah dikatakan kepelbagaian gaya bahasa dan penyampaian. Seseuteng i'rab pula berasaskan perbezaan lajiah dan loghat.

Dalam ayat-ayat yang dikategorikan sebagai sama makna, terdapat kata-kata ulama yang seolah-olah membezakan antara keduanya. Pada pandangan pengkaji, perbezaan yang disebut itu bersumberkan tafsir isyarī dari sesuatu i'rab. Ia bukannya makna asal i'rab tersebut.